



**Jawatan** : EKSEKUTIF AKAUN  
**Jenis Pekerjaan** : Sepenuh masa  
**Syarikat** : Kumpulan Era Engineering Sdn Bhd  
**Lokasi** : Alor Setar, Kedah Darul Aman

## Deskripsi Tugas

1. Bertanggungjawab dalam menyediakan "Full Set of Accounts", laporan bulanan, laporan pengurusan, Aliran Tunai syarikat, analisis kos dan analisis kewangan yang lain.
2. Memantau akaun pembayaran/penerimaan, kedudukan aliran tunai syarikat serta baki dalam akaun syarikat
3. Menyediakan kunci kira-kira dan "end closing accounts" .
4. Memastikan setiap rekod dan sistem perakaunan adalah mematuhi dengan piawai perakaunan yang diluluskan oleh undang-undang.
5. Bekerjasama dengan juruaudit luar dan setiausaha syarikat dari segi audit/cukai dan yang berkaitan
6. Pemfailan dan menjaga rekod sulit syarikat
7. Memberi nasihat, merancang dan melaksanakan dasar dan system belanjawan, kawalan akaun dan perakaunan lain;
8. Menyediakan dan mengesahkan penyata kewangan untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan, pemegang saham, badan berkanun dan badan-badan lain;
9. Menyediakan penyata cukai, memberi nasihat mengenai masalah percukaian dan mempertahankan tuntutan yang dipertikaikan di hadapan pegawai cukai;
10. Menyediakan atau melaporkan ramalan keuntungan dan belanjawan;
11. Menyediakan kos projek dan analisis risiko;
12. Mengenal pasti bahagian pengurangan kos dan mencadangkan langkah-langkah penjimatan kawalan kos;
13. Menjalankan penyiasatan kewangan, melaksanakan audit, menyediakan laporan dan memberi nasihat mengenai perkara seperti penipuan yang disyaki, ketidakmampuan, kebangkrapan, penyatuan, pembiayaan modal serta pembelian dan penjualan perniagaan;
14. Lain-lain tugas (ad hoc) apabila diperlukan .

**Gaji** : RM2,000.00 sehingga RM2,500.00 /sebulan

### Syarat Kelayakan:

1. Minimum Diploma/Ijazah dalam bidang Akaun atau setaraf
2. Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang Akaun atau setaraf
3. Mempunyai kenderaan sendiri



## SKOP TUGAS – KUMPULAN ERA ENGINEERING SDN BHD

<b>JAWATAN</b>	<b>PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>
<b>JABATAN/UNIT</b>	<b>UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>
<b>LAPOR KEPADA</b>	<b>PENGARAH</b>

## SENARAI TUGAS & TANGGUNGJAWAB

### **1.0 Bertanggungjawab memastikan kepatuhan kepada OSH**

- i. Bertanggungjawab untuk memberi penerangan mengenai langkah-langkah keselamatan dan pencegahan yang perlu diambil oleh pekerja bagi mengelakkan risiko kepada kecederaan atau kemalangan di tempat kerja.
- ii. Membuat pemeriksaan di tapak projek untuk tentukan sama ada kelengkapan, peralatan dan bahan yang digunakan di tapak projek yang boleh menyebabkan kecederaan kepada pekerja.
- iii. Mewujudkan kesedaran SSHE di kalangan pekerja dan sub-kontraktor dengan menjalankan Program Latihan tahunan Keselamatan Refresher seperti latihan olok-olok, prosedur kecemasan, program dan dasar-dasar seperti OSH Akta & peraturan-peraturan Kesihatan (OSH) Keselamatan
- iv. Membuat cadangan mengenai langkah-langkah pemulihan yang perlu di ambil tentang perkara-perkara yang memudaratkan keselamatan dan kesihatan di tapak.
- v. Bertanggungjawab menyasat sebarang kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerja yang berlaku di tapak projek
- vi. Mengumpul, menganalisis dan menyelenggara statistik mengenai apa-apa kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tapak.
- vii. Memastikan papan paparan kesedaran dan tanda-tanda amaran keselamatan dipamerkan dengan betul dan dipasang di lokasi kerja tapak.
- viii. Memastikan penggunaan bahan termasuk bahan kimia dikendalikan dengan selamat, disimpan dan digunakan dengan baik pada setiap lokasi kerja tapak.

### **2.0 Pengurusan Program Penukiran Luaran Projek, Stor, OSH, PPE, NCR dan Zero Defect**

- i. Mengurus dan melaksanakan audit bulanan untuk projek , audit OSH.
- ii. Menyelesaikan isu-isu yang timbul semasa program audit
- iii. Menyediakan laporan audit dan analisa kepada pihak TM
- iv. Bertanggungjawab menjawab dan memberi maklumbalas audit yang telah dilaksanakan kepada pihak pengurusan dan pihak TM
- v. Memantau Kualiti kerja, projek dan pematuhan OSH
- vi. Bertanggungjawab mengemaskini dokumen dan data OSH yang berkaitan
- vii. Melakukan pemeriksaan tempat kerja untuk menentukan sama ada apa-apa jentera, loji, peralatan, bahan, perkakas kerja

### **3.0 Pelaksanaan Dasar , Polisi dan Prosedur OSH**

- i. Memberi nasihat yang baik dan bimbingan kepada pasukan projek untuk menyokong keberkesanan kerja tapak
- ii. Melaksanakan segala dasar, prosedur dan arahan sebagai relevan & yang diperlukan oleh sistem kualiti.
- iii. Menjalankan 'Tool Box meeting' dan 'Safety Induction' untuk semua kakitangan.

### **4.0 Lain-lain Tugas**

- i. Melaksanakan tugas lain bergantung kepada arahan pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

#### **Syarat dan Keperluan**

- i. Mempunyai Green Card / Green Book- Minimum Degree dalam bidang kejuruteraan atau setaraf
- ii. Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan
- iii. Berpengetahuan luas dalam OSHA 1994 dan FMA 1967
- iv. Mempunyai sikap proaktif, kreatif dan positif terhadap kerja
- v. Boleh bekerja dalam berkumpulan
- vi. Mempunyai lesen memandu dan kenderaan sendiri

- ❖ Job Type: Full-time
- ❖ Salary: RM5,000.00 to RM8,000.00 /month
- ❖ Job Type: Full-time